



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 30 Jun 2016

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 17 TAHUN 2016

PENANGGUHAN PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN DASAR BERKURSUS
TUJUH HARI SETAHUN BAGI ANGGOTA LGM

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pada Mesyuarat Lembaga ke-100 yang bertarikh 27 Mei 2016, pihak Lembaga LGM telah bersetuju untuk menerima pakai surat edaran JPA berkenaan Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun bagi Anggota Perkhidmatan Awam. Peraturan ini berkuatkuasa mulai 29 Februari 2016.
3. Sehubungan dengan itu, jumlah hari berkursus setiap anggota dan prestasi perbelanjaan peruntukan latihan oleh semua agensi juga tidak diambil kira sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Jabatan. Kriteria 7 hari berkursus juga tidak akan diambil kira sebagai syarat penganugerahan Pehidmatan Cemerlang tahun 2016.
4. Walaubagaimanapun, sukacita diingatkan bahawa semua anggota LGM masih tertakluk kepada kewajipan untuk menghadiri kursus jemputan UPSM. Sebarang ketidakhadiran tanpa alasan yang kukuh, boleh dikenakan tindakan potongan gaji mengikut kenyataan UPSM bil 2/2012.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'

(NURUL HUDA ABDUL HAMID)

s.k: Ybrs Ketua Pengarah